

BAB 4

ANALISIS DATA

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil penemuan kajian daripada aspek-aspek berikut: (1) ciri demografi responden; (2) minat kepada muzik dan lagu Melayu, minat kepada lagu Melayu Nusantara, sikap atau pendapat berkenaan penyanyi dan cara mendapat maklumat; (3) perbezaan di antara kaum dengan minat kepada muzik dan lagu Melayu, lagu Melayu Nusantara, sikap dan cara mendapat maklumat muzik, pemahaman lirik lagu Nusantara dan perbezaan di antara jantina dengan minat kepada penyanyi; (4) hubungan antara pendapatan dengan minat kepada muzik dan lagu Melayu, lagu Melayu Nusantara, penyanyi dan cara mendapatkan maklumat; hubungan antara alat-alat komunikasi di rumah dengan minat kepada lagu Melayu Nusantara.

4.1. Ciri Demografi Responden

Responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, pelajar-pelajar Universiti Malaya dan belia bekerja sekitar Daerah Petaling Jaya dan Shah Alam. Jumlah soal selidik yang digunakan untuk analisis ialah sebanyak 320 (84.2%) berbanding 380 yang diedarkan.

4.1.1 Jantina Responden

Jadual 2 pada muka surat 42 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Sejumlah 39.7 peratus responden adalah lelaki dan 60.3 peratus adalah perempuan. Nisbah responden lelaki dengan responden perempuan

hampir 1:2. Ini menunjukkan responden perempuan terutama belia bekerja lebih ramai dan mudah memberi kerjasama di kawasan kajian.

Jadual 2
Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	127	39.7
Perempuan	193	60.3
Jumlah	320	100.0

4.1.2 Umur Responden

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Analisis kajian menunjukkan 64.1 peratus responden berumur antara 16 hingga 20 tahun. Ini kerana kebanyakkan responden terdiri daripada pelajar sekolah tingkatan empat (16/17 tahun), tingkatan lima (17/18 tahun) dan tingkatan enam (18/19 tahun). Responden yang berada dalam kategori umur 21 hingga 25 tahun adalah 17.8 peratus. Kategori ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahun satu, dua dan tiga Universiti Malaya dan belia bekerja. Akhirnya kategori 26 hingga 30 tahun adalah 18.1 peratus iaitu responden belia bekerja.

Jadual 3
Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus
16 – 20	205	64.1
21 – 25	57	17.8
26 – 30	58	18.1
Jumlah	320	100.0

4.1.3 Bangsa Responden

Berdasarkan jadual 4 di bawah iaitu taburan bangsa responden, bangsa Melayu merupakan jumlah terbesar responden kajian iaitu mewakili 62.2 peratus, diikuti bangsa Cina 21.6 peratus, India 15.0 peratus dan lain-lain bangsa (Sikh) 1.3 peratus. Peratusan ini menepati kehendak kajian (kecuali lain-lain bangsa) yang menggunakan ‘Quota Sampling’ iaitu 60 peratus Melayu, 20 peratus Cina, 15 peratus India dan 5 peratus lain-lain bangsa.

Jadual 4
Taburan Kekerapan Bangsa Responden

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	199	62.2
Cina	69	21.6
India	48	15.0
Lain-lain	4	1.3
Jumlah	100	100.0

4.1.4 Status Responden

Jadual 5 pada muka surat 44 menunjukkan taburan kekerapan status responden. Analisis menunjukkan 87.5 peratus responden masih bujang. Ini jelas kerana kebanyakan responden adalah golongan remaja pertengahan dan belia yang baru memulakan kerjaya. 10.3 peratus responden telah berkahwin dan mempunyai anak dan hanya 2.2 peratus sahaja responden yang telah berkahwin tapi belum mempunyai anak.

Jadual 5
Taburan Kekerapan Status Responden

Status	Kekerapan	Peratus
Bujang	280	87.5
Berkahwin Tanpa Anak	7	2.2
Berkahwin Ada Anak	33	10.3
Jumlah	320	100.0

4.1.5 Kelayakan Akademik Tertinggi Responden

Jadual 6
Taburan Kelayakan Akademik Tertinggi Responden

Sijil	Kekerapan	Peratus
Ijazah Universiti	24	7.5
Diploma	37	11.6
STPM/HSC/STP	40	12.5
SPM/SPVM/MCE	69	21.6
SRP/LCE/PMR	150	46.9
Jumlah	320	100.0

Merujuk kepada jadual 6 di atas iaitu bidang akademik, 46.9 peratus responden mempunyai kelayakan tertinggi setakat sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR). Ini kerana kebanyakan responden berada di peringkat menengah atas persekolahan. Responden yang mempunyai kelayakan

SPM / SPVM / MCE adalah 21.6 peratus iaitu responden yang berada di tingkatan enam dan juga belia bekerja yang terdiri daripada jurujual dan warga industri. Selebihnya 12.5 peratus responden memiliki sijil STPM / STP / HSC, 11.6 peratus peringkat diploma dan 7.5 peratus memiliki ijazah Universiti. Responden kategori ini merupakan belia bekerja yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta di kawasan kajian.

4.1.6 Pendapatan Responden

Jadual 7
Taburan Kekerapan pendapatan Responden

Pendapatan	Kekerapan	Peratus
Tiada Pendapatan	176	55.0
< RM 500	45	14.1
RM 501 – RM 1000	36	11.3
RM 1001 – RM 1500	24	7.5
RM 1501 – RM 2000	28	8.8
RM 2001 – RM 2500	8	2.5
RM 2501 – RM 3000	3	0.9
Jumlah	320	100.0

Jadual 7 di atas menunjukkan taburan kekerapan pendapatan responden. Analisis mendapati kebanyakan responden tidak mempunyai pendapatan sendiri. Ini kerana responden masih di bawah tanggungan keluarga dan hanya mendapat elauan atau wang saku daripada ibu bapa atau penjaga. Seramai 14.1 peratus responden mempunyai pendapatan kurang daripada RM 500 yang kebanyakannya responden pelajar Universiti Malaya atau

pelajar sekolah yang melakukan kerja sambilan. Selebihnya, 11.3 peratus responden mempunyai pendapatan antara RM 501 hingga RM 1000, terutama responden warga industri dan jurujual pasaraya dan kedai makanan segera.

4.1.7 Alat-Alat Komunikasi Di Rumah Responden

Bagi melihat bagaimana muzik boleh sampai kepada pengguna, kajian memastikan responden mengisi jumlah alat-alat komunikasi yang ada di rumah mereka.

a) Radio / Hi-Fi / Walkman

Analisis kajian mendapati 63.4 peratus responden mempunyai satu buah radio di rumah; manakala 15.0 peratus mempunyai radio dan hi-fi dan 13.4 peratus mempunyai ketiga-tiga alat komunikasi tersebut. Hanya 1.9 peratus sahaja yang tidak mempunyai langsung kesemua alat di atas. Jadual 8 menunjukkan taburan kekerapan jumlah radio/hi-fi/walkman di rumah responden.

Jadual 8

Taburan Kekerapan Jumlah Radio/Hi-Fi/Walkman

Jumlah Radio/Hi-Fi/Walkman	Kekerapan	Peratus
Tiada	6	1.9
Satu	203	63.4
Dua	48	15.0
Tiga	43	13.4
Empat	15	4.7
Lima	3	0.9
Enam	2	0.6
Jumlah	320	100.0

b) Televisyen /Astro

Jadual 9 adalah taburan kekerapan jumlah televisyen / astro yang ada di rumah responden. Majoriti responden (72.2%) memiliki televisyen sama ada dengan astro atau tanpa astro. Sebanyak 17.8 peratus mempunyai dua buah televisyen iaitu sama ada salah satunya dengan astro atau kedua-duanya tanpa astro (responden mencatatkan di sebelah ruangan jumlah). Hanya 0.3 peratus mempunyai empat buah televisyen dan 4.7 peratus langsung tidak memilikinya (kebanyakannya responden belia bekerja yang menyewa).

Jadual 9
Taburan Kekerapan Jumlah Televisyen/Astro

Jumlah TV / Astro	Kekerapan	Peratus
Tiada	15	4.7
Satu	231	72.2
Dua	57	17.8
Tiga	16	5.0
Empat	1	0.3
Jumlah	320	100.0

c) Alat Perakam Video

Berdasarkan jadual 10 pada muka surat 48, sebanyak 58.1 peratus responden mempunyai sebuah alat perakam video di rumah; manakala 36.6 peratus langsung tidak memilikinya. Hanya 5.3 peratus sahaja

mempunyai dua buah alat tersebut. Jadual 10 adalah taburan kekerapan jumlah alat perakam video di rumah.

Jadual 10
Taburan Kekerapan Jumlah Alat Perakam Video

Jumlah Video	Kekerapan	Peratus
Tiada	117	36.6
Satu	186	58.1
Dua	17	5.3
Jumlah	320	100.0

d) 'Visual Compact Disc' (VCD) / ' Digital Visual Dis' (DVD)

Jadual 11
Taburan Kekerapan Jumlah VCV/DVD

Jumlah VCD / DVD	Kekerapan	Peratus
Tiada	80	25.0
Satu	211	65.9
Dua	28	8.8
Tiga	1	0.3
Jumlah	320	100.0

Jadual 11 menunjukkan taburan kekerapan jumlah VCD / DVD yang ada di rumah. Bagi alat komunikasi terkini iaitu VCD / DVD, sebanyak 65.9 peratus responden mempunyai VCD. Selebihnya, 8.8 peratus mempunyai kedua-duanya dan 0.3 peratus mempunyai dua buah VCD dan sebuah DVD yang dikenalpasti terdiri daripada responden Cina yang kedua-dua ibu

bapa mempunyai pendapatan melebihi RM 3000 dan 0.3 peratus. Di samping itu sebanyak 25.0 peratus tidak mempunyai kedua-dua alat tersebut (dikenalpasti terdiri daripada responden warga industri yang tinggal di rumah sewa).

e) Komputer

Jadual 12 adalah taburan kekerapan jumlah komputer yang ada di rumah responden. Analisis menunjukkan 57.5 peratus responden mempunyai sebuah komputer di rumah, 7.2 peratus mempunyai dua buah dan 0.9 peratus mempunyai tiga buah. Sebanyak 34.4 peratus langsung tidak mempunyai komputer.

Jadual 12
Taburan Kekerapan Jumlah Komputer

Jumlah Komputer	Kekerapan	Peratus
Tiada	110	34.4
Satu	184	57.5
Dua	23	7.2
Tiga	3	0.9
Jumlah	320	100.0

f) Internet

Bagi melengkapkan lagi era siber masa kini, responden dikehendaki mengisi sama ada mempunyai komputer berinternet atau tidak. Analisis menunjukkan 47.2 peratus responden mempunyai komputer berinternet manakala 48.4 peratus tidak memiliki (jumlah ini termasuk responden yang tidak mempunyai komputer langsung). Selebihnya, 3.8 peratus dikenalpasti mempunyai dua buah komputer berinternet dan 0.6 peratus

memiliki tiga buah komputer berinternet (dikenalpasti terdiri daripada responden Cina yang kedua-dua ibu bapa mempunyai pendapatan melebihi RM 3000). Jadual 13 menunjukkan taburan kekerapan jumlah komputer berinternet.

Jadual 13
Taburan Kekerapan Jumlah Komputer Berinternet

Jumlah Kom. Internet	Kekerapan	Peratus
Tiada	155	48.4
Satu	151	47.2
Dua	12	3.8
Tiga	2	0.6
Jumlah	320	100.0

4.2. Minat Responden Terhadap Muzik dan Lagu Melayu, Lagu Melayu Nusantara, Pendapat Mengenai Penyanyi dan Sikap-Cara Mendapat Maklumat Muzik.

Bagi melihat minat responden terhadap perkara-perkara di atas, semua pernyataan mengenai muzik dan lagu Melayu iaitu V002 hingga V015 dijumlahkan dan dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu tidak minat, berkecuali dan minat. Begitu juga dengan pernyataan mengenai lagu Melayu Nusantara iaitu V019 hingga V044; pernyataan berkenaan pendapat mengenai penyanyi iaitu V016, V017, V018, V045 dan V046. Bagi pernyataan mengenai sikap dan cara responden terhadap maklumat yang diperolehi melalui media pula, item V047 hingga V068 dijumlahkan dan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah.

4.2.1 Minat Responden Terhadap Muzik dan Lagu Melayu

Berdasarkan jadual 14, didapati 38.1 peratus sangat meminati muzik dan lagu Melayu, 35.0 tidak minat kerana lebih meminati lagu-lagu Barat dan 26.9 peratus berkecuali. Jadual 14 adalah taburan kekerapan minat responden terhadap muzik dan lagu Melayu.

Jadual 14
Taburan Kekerapan Minat Responden Terhadap
Muzik dan Lagu Melayu

Tahap Minat	Kekerapan	Peratus
Tidak Minat	112	35.0
Berkecuali	86	26.9
Minat	122	38.1
Jumlah	320	100.0

4.2.2 Minat Responden Terhadap Lagu Melayu Nusantara

Jadual 15 pada muka surat 52 adalah taburan kekerapan minat responden terhadap lagu Melayu Nusantara. Analisis menunjukkan 16.3 peratus sangat meminati lagu Melayu Nusantara, 14.4 peratus tidak minat, 11.3 peratus berkecuali dan 58.1 peratus '*system missing*' (responden tidak mengisi langsung item V041 hingga V046 kerana tidak meminati M. Nasir dan Zainal Abidin).

Jadual 15
Taburan Kekerapan Minat Responden
Terhadap Lagu Melayu Nusantara

Tahap Minat	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Minat	46	14.4
Berkecuali	36	11.3
Sangat Minat	52	16.3
Jumlah	134	41.9
'System Missing'	186	58.1
Jumlah	320	100.0

4.2.3 Pendapat dan Minat Responden Terhadap Penyanyi

Jadual 16
Taburan Kekerapan Minat Responden Terhadap Penyanyi

Tahap minat	Kekerapan	Peratus
Tidak Minat	43	13.4
Berkecuali	39	12.2
Minat	52	16.3
Jumlah	134	41.9
'System Missing'	186	58.1
Jumlah	320	100.0

Jadual 16 menunjukkan taburan kekerapan minat responden terhadap penyanyi. Analisis mendapati 16.3 peratus sangat meminati penyanyi lagu Melayu dan lagu Nusantara kerana personaliti dan kebolehan penyanyi itu menyanyi, 13.4 peratus tidak minat, 12.2 peratus berkecuali dan 58.1

peratus adalah 'system missing' (dikenalpasti tidak meminati M. Nasir dan Zainal Abidin selaku penyanyi lagu Melayu Nusantara).

4.2.4 Sikap dan cara mendapat maklumat muzik

Jadual 17 pada adalah taburan kekerapan sikap dan cara responden mendapatkan maklumat mengenai muzik. Analisis kajian menunjukkan 42.2 peratus beranggapan media cetak dan media elektronik adalah sumber yang paling tepat menyalurkan maklumat kepada penggemar-penggemar muzik dan lagu Melayu serta lagu Melayu Nusantara, 31.9 peratus kurang mengambil endah berkenaan berita berkenaan dan 25.9 peratus berada di tengah-tengah.

Jadual 17
Taburan Kekerapan Sikap dan Cara
Mendapat Maklumat Muzik

Tahap Penerimaan	Kekerapan	Peratus
Rendah	102	31.9
Sederhana	83	25.0
Tinggi	135	42.2
Jumlah	320	100.0

Taburan kekerapan tiap bahagian di atas kemudiannya dianalisis sekali lagi dengan menjadikannya kepada dua bahagian sahaja iaitu tidak minat dan minat untuk muzik dan lagu Melayu serta lagu Melayu Nusantara; dan tahap tinggi dan rendah bagi sikap dan cara mendapat maklumat muzik. Ini untuk mendapatkan keputusan yang tepat melalui

analisis ‘Crosstabulation’, ‘T-Test’ dan ‘ANOVA’ bagi melihat perbezaan antara kaum bagi tiap perkara tersebut.

4.3. Analisis ‘Crosstabulation’, ‘T-Test’ dan ‘ANOVA’

Analisis di atas digunakan bagi melihat wujud atau tidak perbezaan di antara kaum (bangsa) dan jantina dengan minat terhadap muzik dan lagu Melayu, lagu Melayu Nusantara, penyanyi dan sikap dan cara mendapat maklumat. Bagi analisis ‘ANOVA’ sehalia antara kaum dan minat terhadap perkara di atas, bangsa dikategori kepada tiga kumpulan sahaja iaitu Melayu, Cina dan India serta lain-lain. Lain-lain bangsa disatukan dalam kumpulan kaum India kerana jumlahnya yang kecil (1.3%).

4.3.1 ‘Crosstabulation’: Bangsa dengan Minat Terhadap Muzik dan Lagu Melayu.

H_0 1: Tidak wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan minat terhadap muzik dan lagu Melayu.

H_A 1: Wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan minat terhadap muzik dan lagu Melayu.

Berdasarkan jadual 18 (muka surat 55), didapati 82.4 peratus kaum Cina tidak minat muzik dan lagu Melayu, diikuti kaum India (56.4 %) dan kaum Melayu (33.3 %). Hal sebaliknya berlaku iaitu 66.7 peratus kaum Melayu meminati muzik dan lagu Melayu, diikuti kaum India (43.6 %) dan kaum Cina (17.6 %).

Ujian Pearson Chi-Square menunjukkan nilai signifikan $p = 0.000$, iaitu lebih kecil daripada nilai Alpha (0.05). Ini bererti wujud perbezaan signifikan di antara kaum terhadap minat kepada muzik dan lagu Melayu. Oleh itu,

hipotesis null (H_0 1) yang mengatakan tidak wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan minat terhadap muzik dan lagu Melayu adalah ditolak dan hipotesis alternatif (H_A 1) diterima. Ini kerana dapatan menunjukkan pengguna Melayu adalah lebih ramai meminati muzik dan lagu Melayu berbanding kaum lain.

Jadual 18
Bangsa dan Minat Muzik-Lagu Melayu

Bangsa	Tidak Minat	Minat	Jumlah (%)	Sig.
Melayu	33.3 %	66.7 %	100.0	
Cina	82.4 %	17.6 %	100.0	0.000
India	56.4 %	43.6 %	100.0	

4.3.2 'Crosstabulation': Bangsa dengan sikap - cara mendapat maklumat muzik.

H_0 2: Tidak wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan sikap - cara mendapat maklumat muzik Melayu dan Nusantara.

H_A 2: Wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan sikap - cara mendapat maklumat muzik Melayu dan Nusantara.

Berdasarkan jadual 19 (muka surat 56), kaum Cina paling ramai (56.6 %) tidak mengambil tahu mengenai agenda muzik dan lagu Melayu dan lagu Nusantara melalui media massa. Ini diikuti oleh kaum India (46.5 %) dan kaum Melayu (36.9 %). Keadaan sebaliknya berlaku apabila kaum Melayu paling tinggi (63.1 %) menggunakan saluran akhbar, majalah, radio dan

televisyen untuk mengetahui hal ehwal muzik dan lagu Melayu dan lagu Nusantara. Ini dikuti oleh kaum India (53.5 %) dan kaum Cina (43.4 %).

Ujian *Chi-Square* pula mendapati nilai signifikan $p = 0.041$. iaitu lebih kecil daripada nilai Alpha (0.05). Ini menunjukkan wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan sikap dan cara mendapat maklumat muzik melalui media massa. Oleh itu, hipotesis null (H_0 2) yang mengatakan tidak wujud perbezaan signifikan di antara kaum dengan sikap dan cara mendapatkan maklumat berkenaan muzik dan lagu Melayu dan lagu Nusantara adalah ditolak dan (H_A 2) diterima. Ini kerana dapatan menunjukkan pengguna Melayu lebih ramai mendapatkan maklumat tersebut melalui media massa berbanding kaum lain.

Jadual 19
Bangsa dan sikap/cara dapat maklumat

Bangsa	Rendah	Tinggi	Jumlah (%)	Sig.
Melayu	36.9 %	63.1 %	100.0	
Cina	56.6 %	43.4 %	100.0	0.041
India	46.5 %	53.5 %	100.0	

4.4. Ujian T-Test

H_0 3: Tidak wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara jantina terhadap minat kepada penyanyi lagu Melayu dan Nusantara.

H_A 3: Wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara jantina terhadap minat kepada penyanyi lagu Melayu dan Nusantara.

Jadual 20
Jantina dan Minat Terhadap Penyanyi
lagu Melayu dan Nusantara

Pernyataan	Skor Min		Sig.
	L	P	
Tidak semua penyanyi adalah penghibur - V016	4.12	4.33	.080
Minat penyanyi kerana suara dan lagu merdu - V017	3.69	4.14	.000
Minat penyanyi kerana rupa jelita / tampan - V018	2.76	2.42	.027
Minat penyanyi Nusantara kerana personaliti / penampilan yg. Menarik. V045	3.23	3.30	.726
Kekuatan lagu Nusantara bergantung kpd. Penyanyi, bukan kpd. mutu lagu V046	2.65	2.36	.214

Jadual 20 menunjukkan skor min bagi pengguna lelaki (L) dan perempuan (P) bagi tiap item berkenaan minat kepada penyanyi. Terdapat dua item yang mempunyai perbezaan yang signifikan dan tiga item tidak mempunyai perbezaan signifikan apabila dibandingkan dengan nilai Alpha 0.05.

Perbezaan signifikan wujud dalam minat terhadap penyanyi bagi item V017 iaitu minat kepada penyanyi kerana suara dan lagu merdu dan item V018 iaitu minat penyanyi kerana rupa yang jelita dan tampan.

Bagi item V017, didapati skor min bagi perempuan (4.14) lebih besar daripada lelaki (3.69) dan signifikan pada nilai 0.000 iaitu lebih kecil daripada nilai Alpha 0.05. Ini bermakna kumpulan pengguna perempuan lebih rasional dalam menilai seseorang penyanyi berdasarkan kekuatan lagu dan suara yang merdu dan enak didengar. Jadi boleh dikatakan di sini bahawa jantina boleh mempengaruhi minat kepada seseorang penyanyi. Oleh itu, hipotesis null (H_0) yang mengatakan tidak wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara jantina terhadap minat kepada penyanyi lagu Melayu Nusantara adalah ditolak dan hipotesis alternatif (H_A) diterima.

Bagi item V018 iaitu minat penyanyi kerana rupa yang jelita dan tampan, didapati skor min lelaki (2.76) adalah lebih tinggi daripada perempuan (2.42) dan signifikan pada nilai 0.027 iaitu lebih kecil daripada nilai Alpha 0.05. Ini boleh disimpulkan bahawa pengguna lelaki lebih taksub dan meminati penyanyi kerana rupa paras dan bukan kerana kekuatan lagu yang dinyanyikan. Jadi, hipotesis null (H_0) yang mengatakan tidak wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara jantina terhadap minat kepada penyanyi lagu Melayu Nusantara adalah ditolak dan hipotesis alternatif (H_A) diterima.

Bagi item V016, V045 dan V046, skor min kedua-dua jantina iaitu bagi pengguna lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dan tidak mempunyai perbezaan signifikan dengan minat kepada penyanyi. Jadi hipotesis null (H_0) bagi ketiga-tiga item ini adalah diterima.

4.5 Analisis 'ANOVA' Sehala

4.5.1 Kaum dan Minat Terhadap Penyanyi

H_0 : Tidak wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara kaum dengan minat terhadap penyanyi lagu Melayu dan Nusantara.

H_A : Wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara kaum dengan minat terhadap penyanyi lagu Melayu dan Nusantara.

Jadual 21

Kaum dan Minat Terhadap Penyanyi Lagu Melayu & Nusantara

Pernyataan	Melayu (Min)	Cina (Min)	India (Min)	Sig.
Tidak semua penyanyi boleh digelar penghibur - V016	4.39	3.91	4.12	.003
Saya meminati penyanyi kerana kemerduan suara dan keindahan lagu-lagu dendangannya - V017	3.93	3.99	4.06	.705
Saya meminati penyanyi kerana kejelitaan atau ketampanannya V018	2.52	2.74	2.42	.381
Saya meminati penyanyi lagu Nusantara kerana penampilan mereka yang menarik - V045	3.39	3.06	2.83	.123
Kekuatan lagu Nusantara bergantung kepada penyanyinya bukan kepada mutu lagu - V046	2.30	3.06	2.83	.034

Jadual 21 di atas, menunjukkan skor min antara kaum dan minat terhadap penyanyi lagu Melayu dan Nusantara. Analisis data yang diperolehi menunjukkan ada dua item yang signifikan (V016 & V046) dan tiga item

tidak wujud perbezaan signifikan iaitu item V017, V018 dan V045. Bagi menjelaskan lagi analisis data, didapati item V016 memperlihatkan skor min kaum Melayu mendahului dengan 4.39, diikuti India (4.12) dan Cina (3.91). Ia signifikan pada nilai 0.003 iaitu lebih kecil daripada nilai Alpha (0.05). Ini bermakna wujud perbezaan signifikan dan kaum Melayu lebih bersetuju dengan kenyataan item. Item V046 pula memberikan penjelasan yang berbeza apabila skor min kaum Cina mendahului iaitu 3.06, diikuti oleh India (2.83) dan Melayu (2.30). Item ini signifikan pada nilai 0.034 iaitu lebih kecil daripada nilai Alpha = 0.05 dan membolehkan hipotesis null (H_0) yang mengatakan tidak wujud perbezaan antara kaum ditolak dan hipotesis alternatif (H_A) diterima.

4.5.2 Kaum dan Minat Terhadap Lagu Nusantara.

H_0 4: Tidak wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara kaum terhadap minat kepada lagu Melayu Nusantara.

H_A 4: Wujud perbezaan signifikan di antara skor min antara kaum terhadap minat kepada lagu Melayu Nusantara.

Jadual 22 pada muka surat 61 dan 62 menunjukkan skor min antara kaum dan minat terhadap lagu Nusantara. Analisis data yang diperolehi daripada kaedah 'ANOVA' sehala ini bertujuan untuk melihat perbezaan di antara kaum dengan minat kepada lagu Nusantara. Analisis juga ingin menguji sama ada hipotesis yang dibentuk (H_0 4) diterima ataupun hipotesis alternatif (H_A 4) diterima.

Daripada jadual 22, didapati 14 item iaitu item V019, V020, V021, V022, V023, V024, V025, V027, V028, V030, V034, V035, V039, V040 yang mempunyai perbezaan signifikan dan 12 item (V026, V029, V031, V032,

Jadual 22
Bangsa dan Minat Terhadap Lagu Nusantara

Pernyataan	Melayu (Min)	Cina (Min)	India (Min)	Sig.
Album lagu Melayu Nusantara ada dijual di pasaran – V019	3.57	3.03	3.12	0.000
Lagu Melayu Nusantara yang mengadunkan muzik tradisional dan moden memberikan satu kelainan kepada pendengar – V020	3.58	2.74	3.10	0.000
Lagu Melayu Nusantara mempunyai kelainan dan keunikan kerana wujud mesej yang jelas – V021	3.47	2.74	2.83	0.000
Lagu Melayu Nusantara menggabungkan semua jenis muzik yang dimiliki oleh penduduk-penduduk seluruh kepulauan Nusantara (Malaysia,Indonesia,Brunei Singapura, Selatan Thailand) - V022	3.56	3.14	3.06	0.000
Mesej / cerita dalam lagu Melayu Nusantara mempunyai kaitan dengan susunan muzik yang diadun -V023	3.46	3.00	3.04	0.000
Lagu-lagu Melayu Nusantara mempunyai nilai-nilai estetika (keindahan) yang tinggi - V024	3.63	2.96	3.12	0.000
Laras bahasa dalam limik lagu Melayu Nusantara yang indah mendorong saya untuk mencintai bahasa Melayu -V025	3.09	2.45	2.73	0.000
Mendengar lagu Melayu Nusantara membuatkan saya 'tension' -V026	3.54	3.45	3.56	0.841
Mendengar lagu Melayu Nusantara memberi kepuasan dan membuka minda saya - V027	2.72	2.14	2.42	0.000
Unsur ketuhanan dan kehidupan manusia sejagat dalam lagu Melayu Nusantara menjadikan saya insaf dan mendekati agama saya - 028	3.16	2.07	2.60	0.000
Lirik lagu Melayu Nusantara mempunyai kata-kata cinta / memuja yang remeh-temeh (tidak bermutu) - V029	3.28	3.29	3.37	0.892
Koleksi lagu Melayu Nusantara perlu diperbanyak lagi agar menjadi saingan lagu-lagu Barat - V030	3.59	3.30	3.17	0.037

Konsep lagu Melayu Nusantara menjadikan pendengar keliru - V031	3.12	3.22	3.21	0.774
Adunan muzik tradisional seluruh Nusantara dan muzik Moden merosakkan keindahan muzik Melayu Nusantara - V032	3.49	3.64	3.54	0.618
Lagu Melayu Nusantara tidak sesuai pada alaf baru ini - V033	2.56	2.80	2.79	0.246
Lagu Melayu Nusantara menjadikan saya seorang yang mengenal erti kehidupan sebenarnya - V034	2.87	2.42	2.67	0.007
Lirik/Senikata lagu Melayu Nusantara yang tepat , padat dan bermakna meningkatkan kesedaran pendengar untuk menggunakan Bahasa Melayu yang betul - V035	3.31	2.84	2.85	0.001
Saya selalu mengikuti mana-mana persembahan / konsert yang melibatkan penyanyi lagu Melayu Nusantara -V036	2.00	1.71	1.90	0.115
Lagu Melayu Nusantara adalah sumber inspirasi saya -V037	2.37	2.12	2.21	0.221
Lirik lagu Melayu Nusantara memerlukan saya merujuk kamus untuk memahaminya V038	2.86	2.88	2.77	0.816
Masyarakat Malaysia menyanjung konsep muzik lagu Melayu Nusantara -V039	2.87	2.55	2.63	0.033
Saya meminati M.Nasir dan Zainal Abidin -V040	3.00	2.29	2.56	0.000
Konsep lagu yang dimaryakian oleh Zainal Abidin seperti lagu 'Hijau' tepat menggambarkan lagu Melayu Nusantara - V041				
M.Nasir merupakan orang yang paling tepat digelar pejuang lagu-jagu Nusantara - V042	4.04	4.06	3.78	0.326
Lirik lagu Melayu Nusantara seperti 'Hijau' (Zainal Abidin) dan 'Andalusia' (M.Nasir) mengajar saya menghargai alam sekitar dan Sejarah - V043	4.02	4.06	4.06	0.976
Lagu Nusantara unik kerana dinyanyikan oleh penyanyi yang mempunyai 'nama besar' dan tersendiri seperti M.Nasir dan Zainal Abidin - V044	3.63	3.50	3.06	0.214

V033, V036, V037, V038, V041, V042, V043, V044) tidak mempunyai perbezaan signifikan. Ulasan berkenaan item-item yang signifikan ialah:-

- a) Kenyataan item V019 mempunyai nilai $p = 0.000$ iaitu lebih kecil daripada nilai Alpha 0.05. Oleh sebab itu, saya menolak H_0 dan menerima H_A . Apabila dibandingkan skor min antara kaum, didapati kaum Melayu mempunyai min tinggi (3.57) diikuti kaum India (3.12) dan Cina (3.03). Ini bermakna, kaum Melayu amat bersetuju dengan kenyataan berbanding kaum India dan Cina.
- b) Kenyataan item V020 mempunyai nilai $p = 0.000$. Ini bermakna kurang daripada nilai Alpha = 0.05. Jadi, saya menolak H_0 dan menerima H_A . Manakala perbandingan min antara kaum pula mendapati, kaum Melayu mempunyai skor yang tinggi (3.58) berbanding India (3.10) dan Cina (2.74). Ini menunjukkan kaum Melayu amat menyokong kenyataan item tersebut.
- c) Kenyataan item V021 mempunyai nilai $p = 0.000$ iaitu lebih kecil daripada nilai Alpha = 0.05, bermakna H_0 ditolak dan H_A diterima. Jika dibandingkan skor min antara kaum, didapati kaum Melayu lebih tinggi minnya (3.47), diikuti oleh India (2.83) dan Cina (2.74). Ini menunjukkan kaum Melayu amat dengan kenyataan lagu Nusantara mempunyai keunikan kerana mempunyai mesej yang jelas.
- d) Kenyataan item (V022), mempunyai nilai $p = 0.000$, lebih kecil daripada nilai Alpha 0.05. Jadi, H_0 ditolak dan H_A diterima. Skor min pula mendapati kaum Melayu masih mendahului dengan 3.56, Cina 3.14 dan India 3.06. Item ini menunjukkan wujud perbezaan signifikan dan menggambarkan pengguna belia Melayu amat bersetuju dengan penjelasan tentang lagu Nusantara yang menggabungkan semua jenis muzik di Kepulauan Nusantara.

- e) Kenyataan item (V023), juga mempunyai signifikan yang tinggi iaitu pada nilai $p = 0.000$. Ini merupakan nilai yang lebih kecil daripada nilai Alpha = 0.05. Jadi H_0 ditolak dan H_A diterima. Perbandingan skor min mendapati kaum Melayu mendahului dengan skor 3.46, diikuti kaum India (3.04) dan akhir sekali kaum Cina (3.00). Ini menunjukkan kaum Melayu amat bersetuju dengan kenyataan mesej lagu Nusantara mempunyai kaitan dengan susunan muzik.
- f) Kenyataan item (V024), juga mempunyai signifikan yang tinggi iaitu pada nilai $p = 0.000$. Ini merupakan nilai yang lebih kecil daripada nilai Alpha = 0.05. Jadi H_0 ditolak dan H_A diterima. Perbandingan skor min mendapati kaum Melayu mendahului dengan skor 3.63, diikuti kaum India (3.12) dan akhir sekali kaum Cina (2.96). Ini menunjukkan kaum Melayu amat bersetuju bahawa lagu Nusantara mempunyai nilai estetika yang tinggi.
- g) Kenyataan item V025 mempunyai nilai $p = 0.000$. Ini bermakna kurang daripada nilai Alpha = 0.05. Jadi, saya menolak H_0 dan menerima H_A . Manakala perbandingan min antara kaum pula mendapati, kaum Melayu mempunyai skor yang tinggi (3.09) berbanding India (2.73) dan Cina (2.45). Ini menunjukkan kaum Melayu amat menyokong kenyataan bahawa laras bahasa yang indah dalam lirik lagu Nusantara mendorong mereka menyanjung bahasa Melayu.
- h) Kenyataan item (V027), mempunyai signifikan yang tinggi iaitu pada nilai $p = 0.000$. Ini merupakan nilai yang lebih kecil daripada nilai Alpha = 0.05. Jadi H_0 ditolak dan H_A diterima. Perbandingan skor min mendapati kaum Melayu mendahului dengan skor 2.72, diikuti kaum India (2.42) dan akhir sekali kaum Cina (2.14). Ini menunjukkan kaum Melayu lebih suka mendengar lagu Nusantara kerana memberi kepuasan kepada mereka.

- i) Kenyataan item (V028), mempunyai nilai $p = 0.000$, lebih kecil daripada nilai Alpha 0.05. Jadi, H_0 ditolak dan H_A diterima. Skor min pula mendapati kaum Melayu masih mendahului dengan 3.16, India 2.60 dan Cina 2.07. Item ini menunjukkan wujud perbezaan signifikan dan menggambarkan pengguna belia Melayu amat bersetuju dengan kenyataan item tersebut.
- j) Kenyataan item V030 mempunyai nilai $p = 0.037$. Ini bermakna kurang daripada nilai Alpha = 0.05. Jadi, saya menolak H_0 dan menerima H_A . Manakala perbandingan min antara kaum pula mendapati, kaum Melayu mempunyai skor yang tinggi (3.59) berbanding Cina (3.30) dan India (3.17). Ini menunjukkan kaum Melayu amat menyokong kenyataan item dan bersetuju agar koleksi lagu Nusantara diperbanyakkan agar dapat bersaing dengan lagu Barat di pasaran.
- k) Kenyataan item V034 mempunyai nilai $p = 0.007$ iaitu lebih kecil daripada nilai Alpha 0.05. Oleh sebab itu, saya menolak H_0 dan menerima H_A . Apabila dibandingkan skor min antara kaum, didapati kaum Melayu mempunyal min tinggi (2.87), diikuti kaum India (2.67) dan Cina (2.42). Ini bermakna, kaum Melayu amat bersetuju dengan kenyataan berbanding kaum India dan Cina.
